

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD [LIPIS]
TARIKH : 26 OKTOBER 2015
SOALAN :

YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan mengenai cadangan untuk pembinaan sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak yang baru di Parlimen Lipis. Apakah langkah proaktif untuk memastikan sebuah klinik ini dibina di Parlimen Lipis dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan pembangunan projek Klinik Kesihatan Jenis Tiga (3) Bandar Lipis dengan kuarters yang akan melibatkan kos sebanyak RM 35 juta dalam Rolling Plan 4, RMK-10.

Klinik Kesihatan Jenis Tiga (3) Bandar Lipis ini akan menggantikan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Bandar Lipis sedia ada dengan pertambahan fungsi yang meliputi perkhidmatan pesakit luar,

perkhidmatan kesihatan ibu dan anak, perkhidmatan sokongan serta kecemasan.

Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang selaku agensi pelaksana telah selesai menjalankan kerja ukur tanah di tapak berkeluasan 4 ekar di lokasi Bandar Baru Lipis.

Pelan susunatur tapak sedang dalam proses penyediaan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang. Projek ini dijangka tender pada awal April 2016.